

14 FEB 1996

Isa-audit

AGENSI KERAJAAN NEGERI DIARAH GUNA BAHAN TEMPATAN DALAM PROJEK

SEREMBAN, 14 Feb (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata kesemua agensi dan anak syarikat milik kerajaan negeri telah diarah supaya mengutamakan penggunaan bahan tempatan dalam setiap projek yang dilaksanakan.

Menurut beliau, keputusan itu dicapai pada mesyuarat Exco Kerajaan Negeri hari ini dan langkah itu akan berkuatkuasa secepat mungkin.

"Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan memaklumkan kepada Jawatankuasa Perhubungan Industri Negeri Sembilan supaya menggalakkan kilang-kilang di negeri ini menggunakan bahan atau komponen tempatan dalam keluaran mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian penswastan tempat meletak kereta bandar Seremban antara Majlis Perbandaran Seremban dan Syarikat Norm's Parking Sdn Bhd di sini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamed mahu semua agensi dan syarikat swasta mengaudit projek masing-masing bagi memastikan mereka menggunakan bahan tempatan bagi mengatasi defisit imbalan pembayaran negara.

Beliau berkata antara agensi kerajaan negeri yang terbabit dalam projek besar pada masa ini ialah Perbadanan Kemajuan Negeri Negeri Sembilan yang membina kilang simen di Kuala Jempol secara usahasama.

Mohamed Isa berkata, Pegawai Kewangan Negeri akan diminta supaya mengadakan perbincangan dengan syarikat usahasama berkenaan, Negeri Sembilan Cement Industries Sdn Bhd supaya mengurangkan bahan-bahan import bagi pembinaan dan operasi kilang itu.

Selain itu, katanya, syarikat swasta yang melaksanakan projek pembangunan yang besar seperti Bandar Baru Nilai dan pusat pengajian tinggi di Pajam juga akan diminta mengutamakan komponen tempatan. -- BERNAMA

RAB AKD